

PM minta telco bangunkan bakat kepakaran tempatan

Anwar mahu rakyat dapat manfaat teroka pekerjaan bidang teknologi baharu

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua syarikat telekomunikasi (telco) di negara ini membangunkan bakat kepakaran dalam kalangan rakyat supaya dapat meneroka alam pekerjaan berkaitan bidang teknologi baharu.

Perdana Menteri berkata, hanya menerusi pembangunan bakat itu, martabat Malaysia dapat diangkat dari sudut transformasi digital yang diperluaskan ke semua peringkat.

"Saya mahu menggesa selain PEDi (Pusat Ekonomi Digital), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) serta Kementerian Komunikasi dan Digital, saya mahu syarikat telekomunikasi memberi tumpuan lebih supaya agenda pembangunan dan kecanggihan teknologi dapat membantu rakyat.

"Syarikat telekomunikasi harus melihat bidang (peningkatan kemahiran) ini untuk membantu melahirkan bakat kepakaran

yang diperlukan, supaya dapat memberi latihan khusus (kepada rakyat) untuk meneroka alam pekerjaan dalam bidang teknologi baharu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Persidangan PEDi MADANI di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; timbalannya, Teo Nie Ching dan Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.


Anwar berkata, hanya menerusi pembangunan bakat terabit, negara dapat memaknai erti keadilan dan MADANI.

Syarikat perlu tenaga pakar

Katanya, sama seperti beberapa syarikat besar yang membuat pelaburan di Malaysia, termasuk Infineon, Geely, Google, dan Elon Musk, mereka memerlukan tenaga kepakaran tambahan yang mampu membawa syarikat masing-masing ke peringkat lebih tinggi.

"Inilah cabaran yang kita hadapi kerana apabila tanya Infineon, tanya Geely, semua menyatakan, mereka memerlukan kepakaran tambahan dalam bidang terbabit sehinggakan Geely hantar 300 orang ke China untuk memberikan latihan kepakaran tambahan.

"Jadi, saya melihat syarikat telekomunikasi juga harus melihat bidang ini untuk membantu melahirkan bakat kepakaran yang



Anwar menyampaikan Anugerah Pengurus PEDi Terbaik Peringkat Wilayah Selatcin kepada Norashikin Md Saidak pada Majlis Perasmian Persidangan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) 2023 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

diperlukan dalam teknologi baharu," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut mengumumkan kenaikan elaun pengurus dan timbalan pengurus Pusat Ekonomi Digital (PEDi) sebanyak RM500 bermula Januari tahun depan.

Katanya, dengan kenaikan itu, elaun bulanan bagi pengurus PEDi ditingkatkan daripada RM2,000 kepada RM2,500, manakala bagi penolong pengurus, RM1,500 kepada RM2,000.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, setiap PEDi perlu dipantau dengan menyediakan laporan supaya keberkesanan pusat itu dapat diperluaskan.

e-dompet RM100 boleh ditebus Isnin

Kuala Lumpur: Tambahan nilai e-dompet RM100 secara sekali bayar kepada semua rakyat Malaysia berusia 21 tahun dan ke atas dengan pendapatan kurang RM100,000 setahun, boleh ditebus mulai Isnin ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata e-kredit itu akan memberi manfaat kepada 10 juta individu membabitkan kos RM1 bilion.

Katanya, tempoh penebusan adalah sehingga 20 Februari tahun depan melalui empat penyedia e-dompet.

Empat penyedia perkhidmatan e-dompet yang menyertai program berkenaan adalah MAE, Setel, ShopeePay dan Touch 'n Go eWallet.